

## MALAIKAT DAN ANGELS: ANALISIS PERBANDINGAN CIRI-CIRI DARI PERSPEKTIF AL-QURAN DAN BIBLE

**Adam Badhrulhisham**

[adambadhrul@kuim.edu.my](mailto:adambadhrul@kuim.edu.my)

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

**Khadijah Mohd Khambali@Hambali**

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

### **Abstrak**

Antara dakwaan sarjana Kristian ialah agama Islam meniru konsep-konsep yang wujud dalam agama Kristian dengan alasan wujud banyak persamaan antara Islam dan Kristian dan Islam adalah agama terakhir dalam kelompok agama Samawi. Justeru kertas kerja ini menganalisis perbandingan konsep malaikat yang wujud dalam sumber primer agama Kristian dengan Islam iaitu Bible dan al-Quran khususnya berkenaan ciri-ciri, sekaligus meneliti sejauh mana dakwaan sarjana Kristian berhubung isu ini. Kaedah analisis dokumen digunakan dalam kajian yang berbentuk kualitatif ini. Hasil kajian mendapati walaupun wujud persamaan dalam kedua-dua agama ini, ia tidak boleh dijadikan alasan untuk menyokong dakwaan mereka kerana beberapa faktor; antaranya kewujudan perbezaan yang nyata dalam ciri-ciri malaikat dan faktor hubungan unik yang dimiliki antara agama Islam dan Kristian. Persamaan dan perbezaan ciri ini juga boleh diketengahkan sebagai medium dakwah terhadap penganut ajaran Kristian.

**Kata kunci:** Malaikat, Angels, Islam, Kristian, Agama Samawi

## **MALAIKAT AND ANGELS: COMPARATIVE ANALYSIS ON ATTRIBUTES FROM THE PERSPECTIVE OF AL-QURAN AND THE BIBLE**

### **Abstract**

Among the claims of Christian scholars is that Islam imitates Christianity with the reason that there are many similarities between Islam and Christianity and Islam is the last religion in Samawi's religious group. Hence this paper analyzes the comparison of angelic concepts that exist in the primary sources of Christianity with Islam, namely the Bible and the Qur'an, in particular on the attributes to examine the extent of the claims of Christian scholars on this issue. The method of document analysis is used through this qualitative study. The findings suggest that although there are similarities in both religions, it can not be an excuse to support their claims because of several factors; among other things, the existence of tangible differences in the characteristics of angels and the unique relationship between Islam and Christianity. The similarities and differences of this attributes can also be highlighted as a da'wah medium towards Christians.

**Keywords:** Malaikat, Angels, Islam, Christian, Samawi Religion

### **1.0 PENDAHULUAN**

Keimaninan terhadap malaikat merupakan antara perkara yang paling penting dalam agama Islam. Malahan konsep malaikat juga didapati wujud dalam agama lain khususnya Kristian dan Yahudi. Walau bagaimanapun, sering kedengaran beberapa salah faham terhadap konsep malaikat seperti tanggapan Iblis berasal daripada malaikat yang melanggar arahan Allah SWT seperti yang dinyatakan oleh Ali dan Leaman (2007). Selain itu, keberkongsian konsep malaikat dalam ketiga-tiga agama samawi ini menjadi polemik yang sengaja dilontarkan oleh

sarjana Kristian apabila mereka mendakwa Islam mencedok konsep-konsep ini daripada ahli kitab. Dakwaan ini mungkin bertitik tolak daripada pandangan sarjana Barat yang mendakwa perbahasan berkenaan malaikat tidak dibuat secara komprehensif dalam Islam. Hal ini ditegaskan oleh Burge (2009) yang menyatakan perbahasan khusus berkenaan malaikat amat jarang didapati dalam Islam, melainkan ia dibuat secara umum dalam ruang lingkup perbahasan yang lebih besar. Malahan tokoh orientalis Samuel M. Zwemer (1937) beranggapan perbahasan berkenaan malaikat dalam Islam lebih banyak disentuh oleh sarjana Barat berbanding sarjana Islam. Pandangan sebegini secara tidak langsung membuka ruang kepada tuduhan bahawa Islam menciplak konsep malaikat daripada Yahudi dan Kristian seperti mana yang diutarakan oleh Zwemer (1937) dan Burge (2009) sendiri di samping sarjana lain seperti Iavoschi (2004) yang berpendapat konsep Jibril dalam Islam adalah cedokan konsep Gabriel dalam Perjanjian Lama. Iavoschi (2004) menambah bahawa semenanjung Tanah Arab khususnya Makkah di zaman Nabi Muhammad SAW adalah ‘melting pot’ yakni pusat percampuran idea-idea ahli kitab dan pagan. Burge (2009) berhujah bahawa penggunaan hubung kata (*suffix*) –īl dalam nama malaikat menurut Islam membuktikan Islam hanya meniru konsep ahli kitab. Ini kerana perkataan ‘īl’ berasal daripada bahasa Ibrani yang menjadi bahasa perantaraan ahli kitab, bukannya Islam. Selain itu ia juga membawa kepada kesilapan mereka memahami hakikat malaikat yang sebenar. Antaranya ada juga yang beranggapan tujuan Allah menciptakan malaikat adalah kerana Dia tidak mampu melaksanakan semua tugas mentadbir alam ini secara serentak, maka malaikat diciptakan sebagai pembantu kepada-Nya (Robinson, 1926:180-190). Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk membuat analisis perbandingan perbandingan konsep malaikat dalam Islam dengan *angels* dalam Kristian menurut perspektif al-Quran dan Bible<sup>1</sup> bagi menjawab dakwaan-dakwaan sarjana barat dalam isu berkaitan, dengan memberi pengkhususan terhadap ciri-ciri kedua entiti tersebut.

## 2.0 DEFINISI MALAIKAT DALAM ISLAM

Malaikat selaku salah satu rukun iman semestinya disebutkan dalam al-Quran secara komprehensif. Perkataan *malāikah* (مَلَائِكَة) disebutkan sebanyak 68 kali dalam al-Qurān. Manakala perkataan *malāikatihī* (malaikatNya) pula diulang sebanyak 5 kali. Ini menjadikan kalimah ini secara keseluruhan diulang sebanyak 73 kali dalam al-Qurān (Muhammad Fuād Abd al-Bāqī, 1996). Dari sudut bahasa kalimah Malaikat berasal daripada perkataan *malaka* (ملک) yang yang bermaksud kekuasaan. Ada juga pendapat yang mengatakan ianya berasal daripada kalimah *al-alūkah* (الْأَلُوكَة) yang bermaksud misi dan risalah. Pandangan ini adalah pandangan Sibawayh<sup>2</sup> dan jumhur ulama’ (Muhammad Na’īm Yāsīn, t.t).

Menurut al-Khāzin (1995), kalimah malaikat berasal daripada kalimah *ma’laka* (ملک) yang bermaksud misi dan juga risalah. Begitu juga dengan Muhammad al-Rāzī Fakhr ad-Dīn bin Dhiyā’ ad-Dīn Umar yang mengatakan ianya berasal daripada kalimah *malaka* (ملک) yang pada asalnya ialah kalimah *ma’lakah* (ملکة) yang bermaksud misi dan risalah. Adapun dalam kalimah tersebut akhirnya dibuang huruf ؎ (hamzah) kerana terdapat kesulitan untuk

<sup>1</sup> Bible yang digunakan dalam kertas kajian ini ialah New American Bible Revised Edition (NABRE) yang dianggap sebagai versi Bible yang lebih bersifat literal berbanding versi lain yang dianggap lebih dinamik. Versi ini dianggap lebih sesuai untuk kajian ilmiah kerana dianggap lebih hampir kepada teks ‘asal’ terjemahan Greek dan Hebrew.

<sup>2</sup> Abu Bisyr Amru bin Qanbar al-Farisi (w. 180H), imam dalam bidang *Nahw*. Digelar Sibawayh (haruman epal) kerana dikatakan kedua belah pipnya seakan-akan buah epal. Berasal dari Parsi kemudian berhijrah ke Basrah. Beliau mendalami ilmu fiqh dan hadis sebelum berkecimpung dalam bidang *nahw* (Al-Zahabī, 1993).

menyebutnya (al-Rāzī, 1981). Pendapat ini juga disebutkan oleh al-Baghawi<sup>3</sup> dalam tafsirnya (al-Baghawī, 1988). Manakala menurut al-Zamakhsyari<sup>4</sup> pula, kalimah *malāikah* (ملائكة) berasal daripada kalimah *mal-aka* (ملاك) dan ianya adalah kata pengurangan bagi kalimah *malaka* (ملك) dan penambahan *tā' at-ta'nis* adalah menandakan jamak (al-Zamakhsyari, t.t). Pendapat ini juga digunakan oleh Ismail Haqqi al-Burusawi (w. 1137H) dalam tafsirnya *Ruh al-Bayan* (al-Burūsawī, t.t). Manakala Muhammad bin Ali bin Muhammad al-Syawkānī (w. 1250H) pula menyatakan dalam tafsirnya ada pendapat yang mengatakan kalimah *malāikah* tidak ada perkaitan (*isytiqāq*) dalam bahasa Arab dan penambahan *tā' at-ta'nis* adalah sebagai menandakan jamak atau *mubālaghah* (al-Syawkānī, 1994).

Dari sudut istilah pula terdapat beberapa definisi malaikat menurut pandangan ulama. Menurut al-Burusāwī malaikat adalah satu jisim halus yang berupaya untuk menjelaskan diri dalam pebagai bentuk (al-Burusāwī, t.t). Menurut ar-Rāzī pula, pendapat kebanyakan kaum Muslimin ialah malaikat merupakan jisim halus yang boleh menyerupai pelbagai bentuk yang tinggal di langit. Pendapat ini merupakan *ijmak* para ulama ahli kalam (Na'īm Yāsīn, t.t). Namun, bagi Rashid Redha, beliau tidak mentakrifkan malaikat secara khusus kerana beranggapan bahawa malaikat adalah satu perkara yang wajib diimani terus tanpa perlu ditafsirkan hakikatnya (Muhammad 'Abduh, 1948). Malaikat juga mempunyai hieraki tertentu dalam alam mereka. Terdapat di kalangan malaikat yang digelar sebagai *Ruasā' al-Arba'ah* iaitu empat malaikat utama yang mentadbir dunia. Mereka ini menduduki darjah yang lebih tiggi di kalangan malaikat dan dianggap sebagai ketua bagi segala malaikat. Mereka ialah Jibril, Israfil, Mikail dan malakat maut. Jibril ditugaskan untuk mentadbir angin dan bala tentera, Mikail pula ditugaskan dengan hujan dan tumbuhan, malaikat Israfil sebagai peniup sangka kala manakala malaikat maut ditugaskan dengan urusan mencabut nyawa (al-Shuyūtī, 2007).

## 2.1 CIRI-CIRI MALAIKAT

Tidak disebutkan secara khusus berkenaan penciptaan malaikat dalam al-Qurān. Namun begitu dapat diketahui bahawa malaikat diciptakan sebelum manusia. Ini adalah berdalilkan ayat:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا  
وَيَسْفِكُ الْدِمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: "Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan

<sup>3</sup> Abū Muhammad al-Husayn bin Mas'ūd bin Muhammad al-Farra' al-Baghawi. Lahir pada tahun 433 Hijrah dan wafat pada tahun 516 Hijrah.

<sup>4</sup> Abū al-Qāsim Jārullāh Mahmūd bin Umar al-Zamakhsyari al-Khwārizmī (w. 538H), lahir pada 467H di Zamakhsyar dalam daerah Khuwarzmi. Seorang 'alim dalam bidang *Nahw*, *Lughah*, *Adab* dan *Tafsir*. Pandangannya dalam ilmu bahasa diterima pakai oleh ulama bahasa Arab sesudahnya. Seorang yang berfahaman Muktazilah dalam akidah. Walaupun berfahaman Muktazilah, kehebatan tafsirnya *al-Kasyyaf* diperakui kehebatannya dan sumbangannya dalam membahaskan *balaghah* dan keindahan al-Qurān (Al-Zahabī, 1993) (Mannā' Qattān, 2007).

berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya".  
(al-Baqarah 2: 30)

Ayat ini jelas menunjukkan dialog yang berlaku antara malaikat dengan Allah S.W.T berlaku sebelum penciptaan Adam A.S sebagai manusia pertama.

Antara ciri-ciri malaikat yang didapati dalam al-Qurān adalah seperti berikut:

### 1. Penciptaan Malaikat

Tidak ada dalil yang khusus mengenai penciptaan malaikat dalam al-Qurān. Sebaliknya perihal penciptaan malaikat ditemui dalam sebuah hadis riwayat Imam Muslim yang menceritakan bahawa malaikat diciptakan daripada cahaya. Walau bagaimanapun tidak dapat diketahui dengan jelas jenis dan bentuk cahaya yang digunakan dalam penciptaan malaikat (al-Asyqar,1995).

### 2. Mempunyai sayap

Dalam al-Qurān disebutkan:

الْحَمْدُ لِلَّهِ فَاطِرِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ جَاعِلِ الْمَلَائِكَةِ رُسُلًا أُولَئِنَّ أَجْنَاحَهُ مَثْنَى وَثُلَاثَ وَرُبَعَ  
يَزِيدُ فِي الْخَلْقِ مَا يَشَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: "Segala puji tertentu bagi Allah yang menciptakan langit dan bumi, yang menjadikan malaikat utusan-utusan yang bersayap: dua, tiga dan empat; ia menambah pada bentuk kejadian makhluk yang diciptakannya apa jua yang dikehendakiNya. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu."

(Fātiḥ: 1)

Menurut al-Rāzī sayap yang dimaksudkan dalam ayat ini bersifat hakiki tidak seperti mana sesetengah golongan yang mentakwilkannya sebagai satu kiasan (al-Rāzī, 2001).

### 3. Bilangan Malaikat

Al-Quran menegaskan tiada siapa yang mengetahui jumlah bilangan malaikat secara spesifik. Hal ini adalah berdasarkan firman Allah S.W.T:

وَمَا يَعْلَمُ جُنُودَ رَبِّكَ إِلَّا هُوَ وَمَا هِيَ إِلَّا ذِكْرٌ لِلْبَشَرِ

Maksudnya: "dan tiada yang mengetahui tentera Tuhanmu melainkan Dia sahaja. dan (ingatlah, segala yang diterangkan berkenaan dengan) neraka itu tidak lain hanyalah menjadi peringatan bagi manusia." (al-Muddatstsir: 31)

Walau bagaimanapun jumlahnya dikatakan teramat banyak jika dibandingkan dengan makhluk lain. Ada hadis yang menceritakan perihal banyaknya jumlah para malaikat sehingga terdapat 70 000 malaikat yang bertawaf di Bayt al-Ma'mūr<sup>5</sup> setiap hari dan tidak

<sup>5</sup> Bayt al-Ma'mūr dikatakan suatu tempat di langit yang berada sejajar dengan kedudukan Ka'bah di bumi. Ia digelar sedemikian kerana banyaknya bilangan malaikat yang memakmurkan kawasan tersebut untuk beribadah kepada Allah SWT (al-Tabarī, 2001)

akan kembali lagi ke sana dan diganti pula dengan 70 000 malaikat yang lain dan ianya berterusan setiap hari sehingga hari kiamat (al-Asyqar, 1995).

4. Maksum dan tidak akan menderhaka kepada Allah

Allah S.W.T berfirman berkenaan malaikat penjaga neraka:

يَتَأْمِنُ الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوَّاً أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيْكُمْ نَارًا وَقُوْدُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَيِّكَةٌ غِلَاظٌ  
شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمِرُونَ ﴿١﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.”

(al-Tahrīm: 6)

Ar-Rāzi (2001) menyatakan bahawa yang dimaksudkan secara khusus dalam ayat ini ialah Malaikat Zabaniah yang mengazab ahli neraka dengan benar-benar dahsyat di akhirat. Ayat ini kemudian disambung dengan penyataan bahawa mereka senantiasa melaksanakan perintah Allah S.W.T menunjukkan bahawa janji Allah ke atas orang yang ingkar itu pasti berlaku. Walau bagaimanpun, penyataan khusus dalam ayat juga memberi pengertian ciri malaikat secara umum bahawa antara ciri mereka adalah sentiasa taat dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan perintahNya. Al-Suyūtī menegaskan bahawa jumhur manyatakan bahawa kesemua malaikat adalah maksum seperti mana rasul dan nabi. Beliau juga seterusnya menukilkan pandangan al-Armawī dalam menyatakan kemaksuman malaikat dapat dilihat dalam ayat tersebut berdasarkan perbuatan *amr* dan *nahy* yang menunjukkan perbuatan mereka dipuji oleh Allah SWT (al-Suyūtī, 2007).

5. Makhluk yang akan mati

Umum diketahui dalam aqidah Islam tiada yang kekal melainkan Allah S.W.T. Malaikat menurut al-Qurān akan mati suatu hari nanti. Allah S.W.T berfirman dalam al-Qurān:

وَنُفِخَ فِي الصُّورِ فَصَعَقَ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ إِلَّا مَنْ شَاءَ اللَّهُ ثُمَّ نُفِخَ فِيهِ أُخْرَى  
فَإِذَا هُمْ قِيَامٌ يَنْظُرُونَ ﴿٢﴾

Maksudnya: “dan sudah tentu akan ditiup sangkakala, maka pada waktu itu matilah makhluk-makhluk yang ada di langit dan yang ada di bumi, kecuali sesiapa yang dikehendaki Allah (terkemudian matinya); kemudian ditiup sangkakala sekali lagi, maka dengan serta merta mereka bangun berdiri menunggu (kesudahan masing-masing).”

(al-Zumar: 68)

Menurut Ibn Kathīr peristiwa ini terjadi ketika tiupan sangkakala kedua di hari kiamat. Makhluk di langit dalam ayat merujuk kepada para malaikat. Namun begitu tidak dapat dipastikan adakah terdapat para malaikat yang dimatikan sebelum peristiwa tiupan sangkakala (al-Asyqar, 1995). Namun ada juga pendapat yang menyatakan semua malaikat akan

dimatikan ketika tipuan sangkakala melainkan *ruasā' al-arba'ah* (Jibril, Mikail, Israfil dan malaikat maut) di mana mereka akan dimatikan sesudah berlaku tiupan sangkakala. Dikatakan mereka adalah makhluk terawal diciptakan dan terakhir dimatikan (al-Suyūtī, 2007).

#### 6. Keelokan rupa paras, kecantikan dan kekuatan

Malaikat disifatkan sebagai makhluk yang sangat cantik, indah dan gagah perkasa bersandarkan firman Allah S.W.T:

عَلَّمَهُ شَدِيدُ الْقُوَىٰ ذُو مِرَّةٍ فَأَسْتَوَىٰ

Maksudnya: “Wahyu itu (disampaikan dan) diajarkan kepadanya oleh (malaikat jibril) yang amat kuat gagah, lagi yang mempunyai kebijaksanaan; kemudian ia memperlihatkan dirinya (kepada Nabi Muhammad) dengan rupanya asal” (al-Najm: 5-6)

Ibn Abbās menyatakan bahawa kalimah ‘*dzū mirrah*’ dalam ayat ini bermaksud yang memiliki keelokan rupa paras. Begitu juga dengan Qatādah yang berpendapat ianya bermaksud yang memiliki kecantikan berpanjangan. Ada juga yang berpendapat ianya bermaksud gagah dan kuat. Namun ianya tidak menafikan apa yang dikatakan oleh Ibn Abbās dan Qatādah dengan membawa maksud gagah dan elok rupa paras (Al-Asyqar, 1995). Disebabkan itu maka ketampanan Yūsuf A.S dikiaskan dengan rupa paras malaikat dalam ayat 31 surah Yūsuf:

فَلَمَّا سَمِعَتِ بِمَكْرِهِنَ أَرْسَلَتِ إِلَيْهِنَ وَأَعْتَدَتِ هُنَّ مُتَّكَأً وَأَتَتْ كُلَّ وَاحِدَةٍ مِّنْهُنَ سِكِينًا  
وَقَالَتِ أَخْرُجْ عَلَيْهِنَ فَلَمَّا رَأَيْنَهُ أَكْبَرْنَهُ وَقَطَعْنَ أَيْدِيهِنَ وَقُلْنَ حَشَ لِلَّهِ مَا هَذَا بَشَرًا إِنْ هَذَا  
إِلَّا مَلَكٌ كَرِيمٌ

Maksudnya: “Maka apabila ia (Zulaikha) mendengar caciannya mereka, Dia pun menjemput mereka dan menyediakan satu jamuan untuk mereka, serta memberi kepada - tiap seorang di antara mereka sebilah pisau dan pada ketika itu berkatalah ia (kepada Yūsuf): “Keluarlah di hadapan mereka”. Maka ketika mereka melihatnya, mereka tercengang melihat kecantikan parasnya, dan mereka dengan tidak sedar melukakan tangan mereka sambil berkata: “Jauhnya Allah dari kekurangan! Ini bukanlah seorang manusia, ini tidak lain melainkan malaikat yang mulia!” (Yūsuf: 31)

#### 7. Tidak berjantina

Antara kesesatan kaum Musyrikin Mekah adalah mendakwa bahawa malaikat itu berjantina perempuan, walaupun mereka menghinakan kaum perempuan (al-Asyqar, 1995). Malaikat merupakan makhluk agung yang lebih hebat daripada mana-mana makhluk maka usaha mengkiaskan penciptaan mereka kepada manusia termasuk dalam hal jantina adalah perkara yang batil. Allah SWT berfirman:

وَجَعَلُوا الْمَلَائِكَةَ الَّذِينَ هُمْ عِبَادُ الْرَّحْمَنِ إِنَّهَا أَشَهِدُوا حَلْقَهُمْ سَتُكَتُّبُ شَهَادَتُهُمْ وَيُسَأَلُونَ



Maksudnya: “*Dan mereka pula menyifatkan malaikat - yang juga menjadi hamba-hamba Allah Yang Maha Pemurah itu - jenis perempuan. Adakah mereka menyaksikan kejadian malaikat itu? Akan dituliskan kata-kata mereka (yang dusta itu), dan mereka akan ditanya kelak (serta akan menerima balasannya).*” (al-Zukhruf: 10)

#### 8. Menduduki darjah dan tingkatan tertentu

Malaikat juga mempunyai darjah dan kedudukan yang tertentu. Ada di antara malaikat yang mempunyai dua sayap, tiga sayap dan enam ratus sayap. Mereka ini menduduki kedudukan yang tertentu di sisi Allah S.W.T. Allah S.W.T berfirman dalam surah al-Sāffāt:

وَمَا مِنَّا إِلَّا لَهُ مَقَامٌ مَعْلُومٌ

Maksudnya: “(*malaikat pula menegaskan pendirian mereka dengan berkata*): “*Dan tiada sesiapapun dari kalangan kami melainkan ada baginya darjah kedudukan yang tertentu (dalam menyempurnakan tugasnya);*” (al-Şāffāt: 164)

Malaikat yang diciptakan mempunyai kedudukan dan darjah tertentu yang telah ditetapkan dari segi penciptaan dan *makrifah* (al-Rāzī, 2001). Menurut sebuah hadis, Jibril A.S mengkhabarkan bahawa sebaik-baik kedudukan dan darjah para malaikat adalah mereka yang menyertai Perang Badar (al-Asyqar, 1995). Sepertimana yang telah dijelaskan terdapat sebelum ini ada beberapa malaikat yang menjadi penghulu atau ketua bagi malaikat yang lain. Hal ini juga dijelaskan oleh Murata (2008) yang menyatakan terdapat malaikat yang lebih rendah dan tinggi daripada yang lain, mengikut tugas dan peranan; ada yang sentiasa bertasbih, ada yang mentadbir alam, ada yang menjalankan tugas khas dan lain-lain.

### 3.0 DEFINISI ANGELS DALAM KRISTIAN

Perkataan *Angels* disebut sebanyak 273 kali dalam Bible.<sup>6</sup> Dalam The Complete Reference Encyclopedia, *angel* berasal daripada perkataan *angelos/aggelos* dalam bahasa Greek yang membawa maksud utusan (The Complete Reference Encyclopedia. 1994). Kajian juga menunjukkan perkataan *aggelos* juga mungkin pertama kali digunakan oleh kaum Pagan (Ricklefs, 2002). Asalnya dalam tamadun Greek, perkataan *aggelos* digunakan bagi menggambarkan utusan secara umum sama ada manusia atau dewa. Namun pada kurun-kurun berikutnya perkataan *aggelos* hanya digunakan untuk para nabi seperti Hermes dan Iris. Apabila tiba zaman perkembangan Kristian, barulah perkataan *aggelos* hanya digunakan bagi makhluk suci syurgawi (*divine heavenly creature*). Secara umunya makna *angel* yang diterima umum ialah makhluk ghaib yang lebih rendah darjatnya berbanding Tuhan yang menjadi perantaraan antara Tuhan dengan manusia. *Angel* dalam ajaran Kristian terdiri daripada sembilan tingkatan iaitu Seraphim, Cherubim, Thrones, Dominations, Virtues, Principalities, Archangels dan Angels. Menariknya hieraki *angels* ini hanya disusun pada kurun keempat masih. Sebelum itu, Seraphim dan Cherubim tidak tergolong dalam hieraki

<sup>6</sup> <http://christianity.about.com/od/whatdoesthebiblesay/a/angelsbible.htm> Carian pada 10 Mei 2016 5.26PM

*angels* (Ricklefs, 2002:39). Manakala Webster's pula mendefinisikan perkataan *angel* dengan maksud yang lebih meluas di samping maksud yang sama. Antaranya, roh (spirit) yang mendampingi manusia, roh manusia yang telah diterima untuk memasuki syurga dan jelmaan yang berupa manusia yang mempunyai sayap. (Webster's Urban Dictionary, 1989).

Dari perspektif yang lebih menjurus ke arah kristologi, *Angels* ialah utusan dan hamba Tuhan di alam ghaib (*heavenly realm*) dan mereka mencapai kepuasan hakiki dalam pengabdian kepada Tuhan. Mereka diciptakan sebelum manusia dan menduduki darjat yang lebih tinggi berbanding manusia dan diciptakan dalam jumlah yang banyak (Flemming, 200). Manakala menurut W.E Vines (1940) *angels* adalah terjemahan kepada perkataan Hebrew *malak* yang bererti utusan. *Angels* ialah makhluk ghaib sebagai utusan Tuhan yang membawa mesej tertentu. Utusan menurut Vines terbahagi kepada tiga iaitu *prophetic messenger*, *angelic messenger* dan *angel of the Lord*. Namun begitu, *the Lord* dan *Angel of The Lord* seakan-akan hampir definisi dan peranannya dalam Bible sehingga ada sarjana Kristian yang beranggapan bahawa *Angel of The Lord* adalah Christ sendiri sebelum kewujudannya sebagai manusia (*pre-incarnate Christ*). Menurut William Smith pula, *angels* adalah makhluk ghaib yang mempunyai kedudukan jauh lebih tinggi daripada manusia yang berkhidmat kepada Tuhan untuk melindungi manusia di dunia (Smith, 2002). Chilvers pula menkiaskan *angels* seperti seorang dewasa yang sudah tentu memiliki segala kelebihan berbanding seorang bayi (manusia) dari sudut kekuatan dan kebijaksanaan. Tidak seperti seorang bayi yang mengalami proses pembesaran, *angels* tidak pernah mengenal proses pembesaran bahkan ia sememangnya diciptakan dengan segala sifat kelebihan (Chilvers, 1955). M.G Easton pula berpendapat *angels* memberi makna yang lebih luas iaitu sesiapa sahaja yang menjalankan tanggungjawab yang diberikan oleh Tuhan tidak kira sama ada para utusan biasa, rasul atau pendeta. Ianya bukanlah kata nama khas bagi sejenis makhluk tetapi merujuk kepada tugas yang diberikan oleh Tuhan. Namun secara umunya ia merujuk kepada sejenis kuasa syurgawi (*heavenly intelligence*) yang mentadbir dan mengurus dunia atas perintah Tuhan (Easton, 1994). Walaubagaimanapun terdapat beberapa kekeliruan dalam mendefinisikan *angels* kerana dalam Bible terdapat beberapa ayat yang menggambarkan *angels* bukanlah makhluk utusan Tuhan tetapi ianya adalah manusia soleh selepas kematiannya (Ricklefs, 2002:41). Perkataan *angels* juga pernah disifatkan *holy spirit* yang menjadi satu elemen penting dalam kepercayaan *holy trinity*. Perkara ini dapat dilihat dalam Isaiah 63:9 bila mana *holy spirit* disebut sebagai '*angel of the presence*'.

Mengambil kira kebanyakan pendapat sarjana Kristian, boleh disimpulkan bahawa *angel* menurut Bible adalah makhluk ghaib syurgawi yang memiliki kekuatan dan kelebihan melebihi manusia yang diutuskan oleh Tuhan untuk melaksanakan tugas tertentu.

### 3.1 CIRI-CIRI ANGELS

Agama Kristian berpandangan bahawa maklumat berkenaan *angels* hanya boleh didapati melalui kitab suci (Ricklefs, 2002). Namun ada juga pendapat yang menyatakan usaha memahami hakikat (*nature*) *angels* adalah satu perkara yang sia-sia kerana tidak mungkin dapat difahami secara mutlak (Smith, 2002). Terdapat banyak pernyataan dalam Bible; Perjanjian Lama mahu pun Perjanjian Baru yang menceritakan ciri-ciri *angels*. Antaranya ialah:

#### 1. Penciptaan *angels*

Tidak dinyatakan secara jelas berkenaan penciptaan *angels* dalam Bible, namun *angels* merupakan makhluk Tuhan yang diciptakan olehNya.

*"For by Him all things were created that are in heaven and that are on earth, visible and invisible, whether thrones or dominions or principalities or powers. All things were created through Him and for Him"*

(Colossians 1:16)

## 2. Makhluk yang bersayap

Bible mensifatkan *angels* sebagai makhluk agung yang mempunyai sayap. Ia menggambarkan bunyi sayap Cherubim; *angel* yang menduduki tingkat kedua selepas Seraphim, amat kuat dan agung seakan-akan suara Tuhan.

*"The sound of the wings of the cherubim could be heard as far as the outer court; it was like the voice of God Almighty speaking".*

(Ezekiel 10:5)

## 3. Bilangan *angels*

Bilangan *angels* yang diciptakan berjumlah ‘ribu-ribuan’ yang tidak terhitung. Bahkan dikatakan sekiranya Jesus mahu, beliau boleh memanggil dua belas angkatan *angels* untuk menolongnya bila-bila masa sahaja (Chilvers, 1955).

*"No, you have approached Mount Zion and the city of the living God, the heavenly Jerusalem, and countless angels in festal gathering."*

(Hebrews 12:22)

## 4. Tidak maksum dan boleh menderhaka kepada Tuhan

Konsep maksum tidak wujud dalam ajaran Kristian. *Angels* sebagai makhluk syurgawi tidak terlepas daripada melakukan kesilapan dan penderhakaan. Bahkan pendapat umum tentang asal kejadian syaitan menyatakan mereka berasal daripada kelompok *angels* yang menderhaka. Mereka ini disebutkan sebagai “*Fallen Angels*” dan akan dicampakkan ke dalam neraka kelak. Namun sebab dan hakikat penderhakaan sesetengah *angels* ini tidak diketahui (Smith, 2002).

*"Then he will say to those on his left, 'Depart from me, you accursed, into the eternal fire prepared for the devil and his angels.'*

(Matthew 25:41)

## 5. Kekal dan tidak binasa

*Angels* adalah makhluk yang kekal abadi dan tidak akan mati, sekali pun berlaku hari kiamat. Hal ini bertentangan dengan ajaran Islam yang berpegang dengan konsep hanya Allah SWT sahaja yang kekal selama-lamanya.

*"They can no longer die, for they are like angels; and they are the children of God because they are the ones who will rise"*

(Luke 20:36)

## 6. Bijaksana, cantik dan gagah

*Angels* disifatkan sebagai makhluk yang bijaksana. Chilvers (1955) menegaskan *angels* adalah gagah perkasa kerana tidak sekali pun dinyatakan dalam Bible bahawa mereka penat dan mengantuk.

*“Your servant Joab did this in order to approach the matter in a roundabout way. But my lord is wise with the wisdom of an angel of God, knowing all things on earth”* (2 Samuel 14:20)

*Angels* juga digambarkan dengan pelbagai keindahan dan kegagahan yang luarbiasa seperti yang digambarkan oleh Daniel ketika dikunjungi Archangel Gabriel:

*“As I looked up, I saw a man dressed in linen with a belt of fine gold around his waist. His body was like chrysolite, his face shone like lightning, his eyes were like fiery torches, his arms and feet looked like burnished bronze, and the sound of his voice was like the roar of a multitude.”*

(Daniel 10: 5-7)

#### 7. Tidak mempunyai keturunan

*Angels* juga disifatkan sebagai makhluk yang tidak akan berketurunan sepetimana manusia kerana mereka tidak akan berkahwin.

*“At the resurrection they neither marry nor are given in marriage but are like the angels in heaven.”* (Matthew 22:30)

#### 8. Berbentuk Roh

*Angels* dikatakan berbentuk roh namun berjisim. Kadangkala mereka datang dalam bentuk manusia kepada para rasul menunjukkan beberapa persamaan yang wujud antara mereka dengan manusia (Easton, 1987). Mereka juga dikatakan tidak terbatas kepada limitasi jasad fizikal. Ini bermaksud mereka tidak terkesan kepada sebarang halangan fizikal seperti dinding, pintu atau tubuh fizikal (Chilvers, 1955).

*“Are they not all ministering spirits sent to serve, for the sake of those who are to inherit salvation”* (Hebrews 1:14)

## 4.0 ANALISIS PERBANDINGAN

Setelah disenaraikan ciri-ciri malaikat dalam al-Quran dan *angels* dalam Bible, secara ringkasnya dapat disimpulkan bahawa sememangnya terdapat beberapa persamaan antara kedua entiti ini seperti bilangan mereka yang banyak, berbentuk roh, mempunyai kekuatan dan kebijaksanaan yang luar biasa. Kedua-dua agama juga sependapat dalam kepercayaan bahawa mereka adalah makhluk yang diciptakan oleh Tuhan dan mempunyai sayap.<sup>7</sup> Kedua-dua agama juga menolak dakwaan bahawa mereka berjantina lebih-lebih lagi perempuan. Walaupun *angels* seringkali digambarkan sebagai perempuan dalam ikonografi barat, ia bukanlah kepercayaan teologi Kristian yang sebenar (Erickson, 1990).

Walau bagaimanapun perbezaan ciri-ciri yang dapat dilihat jauh lebih signifikan. Dalam Islam al-Quran menyatakan bahawa malaikat adalah makhluk yang sentiasa taat dan tidak akan sesekali menderhaka kepada Allah SWT kerana malaikat tidak dibekalkan dengan nafsu seperti mana manusia. Nafsu menyebabkan manusia mempunyai keinginan yang

<sup>7</sup> Walau bagaimanapun, ada pendapat yang mengatakan ianya hanya terhad kepada Seraphim dan Cherubim (sejenis makhluk tertinggi yang seringkali dimasukkan dalam golongan *angels*) sahaja dan tidak dapat dikatakan bahawa semua *angels* mempunyai sayap.

kadang kala akan bertindak di luar batasan kehendak Allah, sedangkan perkara ini tidak berlaku kepada para malaikat (al-Şuyūtī, 2007). Ada pun Bible pula menyatakan *angels* adalah makhluk yang boleh menderhaka dan bertindak memberontak kepada Tuhan. Perkara ini dapat dilihat dalam definisi *angel* yang dikemukakan oleh salah seorang sarjana teologi Kristian sebagai:

*“By angels we mean those spiritual beings which God created higher than man, some of whom have remained obedient to God and carry out his will, and others of whom disobeyed, lost their holy condition, and now oppose and hinder his work.”* (Erickson, 1990).

Kristian berpandangan terdapat sebahagian satu pertiga daripada kelompok *angels* yang memberontak ke atas Tuhan dan mengikuti Lucifer (Buffaloe, t.t). Mereka ini akan dikurung dengan rantai sehingga hari pengadilan. Kewujudan *angels* yang menderhaka dan jahat (*evil angels* atau *fallen angels*) ini begitu signifikan dalam teologi Kristian kerana ia menjadi simbolik pertentangan kuasa baik dan jahat dalam perjuangan mereka untuk menegakkan *The Kingdom of God* atas muka bumi ini, di samping simbolik-simbolik lain seperti pertentangan Cain dan Abel; dan perntentangan Paganisme dan Judaisme dengan Kristian (Schaff, 1997). Perbezaan ini seterusnya menjurus kepada perbezaan hieraki malaikat dan *angels* dalam kelompoknya. Dalam Islam, hieraki malaikat adalah ringkas iaitu Jibril sebagai ketua malaikat, di samping tiga lagi malaikat utama iaitu Mikail, Israfil dan malaikat maut (al-Şuyūtī, 2003). Manakala dalam Kristian ianya lebih rumit dengan sembilan tingkatan iaitu Seraphim, Cherubim, Thrones, Dominations, Powers, Virtues, Principalities, Archangels and Angels. Menurut Buffaloe (t.t) Principalities and Powers merujuk kepada kelompok *fallen angels*. Perbezaan ketara ini memberi implikasi yang besar terhadap hakikat malaikat/*angels* itu sendiri kerana ia menjurus kepada asal usul syaitan dan masalah kejahanatan (*problem of evil*) seterusnya membuka ruang perbezaan yang lebih besar berkenaan perbuatan Allah (*af'āluLlah*) dan lain-lain.

Perbezaan lain yang begitu ketara adalah dalam soal kekuatan. Al-Quran menegaskan malaikat mempunyai kekuatan luarbiasa yang melebihi makhluk-makhluk yang lain. Bible juga ada menyatakan perihal kekuatan luarbiasa *angel* namun ianya terbatas dan mampu dihalang oleh kuasa lain. Perkara ini dapat dilihat dalam Daniel 10:13 apabila Archangel Gabriel telah ditahan oleh Prince of Persia ketika ingin mempersesembahkan doa dan munajat Daniel kepada Tuhan. Akibatnya berlaku peperangan antara Archangel Gabriel dan Prince of Persia sehingga Gabriel tidak mampu melepaskan diri sehinggalah bantuan dari Archangel Micheal datang (Moses, 2015). Oleh itu, *angels* mempunyai kekuatan yang terhad dan mampu ditandingi oleh kuasa jahat. Lebih-lebih lagi teks Bible tersebut menceritakan berkenaan Gabriel, antara *angel* yang mempunyai kedudukan tertinggi dalam kepercayaan Kristian. Selain itu, *angels* dikatakan makhluk yang akan kekal selama-lamanya dan tidak akan mati seperti yang dikiaskan oleh Luke 20:36. Berbeza dengan Islam yang secara jelas menyatakan setiap makhluk akan binasa dan ini termasuklah para malaikat. dalam sebuah riwayat ada menceritakan bahawa malaikat akan dimatikan ketika tiupan sangka kala kedua yang akan berlaku pada hari kiamat (Muṣṭafā ‘Āsyūr, t.t). Malahan ini juga antara perbezaan penting kerana Islam menganggap Jibril (Gabriel) sebagai malaikat teragung dan utama.

Secara ringkasnya perbandingan ciri-ciri malaikat dalam al-Quran dan *angels* dalam Bible adalah seperti berikut:

Perincian	Malaikat	<i>Angels</i>	Catatan
Penciptaan	Jisim nurani halus	Berbentuk ruh	Persamaan
	Bersayap (35:1)	Bersayap	
Bilangan	Tidak terhitung (74:31)	Tidak terhitung	Persamaan
Hubungan dengan Tuhan	Maksum tidak akan menderhaka (66:6)	Boleh menderhaka menjadi <i>Fallen Angels</i>	Perbezaan
Jangka hayat	Terhad (39:68)	Hidup selama-lamanya	Perbezaan
Rupa paras	Cantik, indah (53:5-6)	Cantik, indah	Persamaan
Jantina	Dinafikan berjantina perempuan (43:10)	Tidak dinyatakan namun dinyatakan tidak berkahwin	Persamaan
Hieraki	<i>Ruāsā' al-Arbaāh</i> sebagai malaikat utama dengan Jibril sebagai ketua	Mempunyai sembilan kelompok	Perbezaan

**Jadual 1: Perbandingan Ciri-Ciri Malaikat dengan Angels**

Daripada tujuh kriteria yang dikemukakan, terdapat 4 kriteria yang mempunyai persamaan manakala 3 kriteria yang menunjukkan perbezaan. Berdasarkan perbandingan ini dapat dilihat bahawa ciri malaikat dalam Islam dan *angel* dalam Kristian seakan seupa. Namun untuk berlaku adil, perlu juga dilihat kategori atau impak kriteria-kriteria yang wujud antara keduanya. Kriteria yang menunjukkan perbezaan menjurus kepada perkara yang memberi impak yang lebih besar terhadap kerangka konsep malaikat yang diimani. Perbezaan yang dapat disimpulkan ialah; i) ketaatan kepada Tuhan, ii) jangka hayat dan iii) hieraki. Dalam konteks hubungan dengan Tuhan, Islam menyatakan malaikat adalah maksum dan tidak melakukan sebarang kesilapan sekaligus menafikan dakwaan Kristian bahawa syaitan (*demon*) berasal daripada kelompok malaikat. Ini adalah perkara penting dalam kerangka iman dalam Islam. Begitu juga dalam kriteria kedua iaitu jangka hayat; Kristian menyatakan bahawa *angel* (yang baik) akan hidup kekal. Hal ini berbeza dengan Islam yang mengimani bahawa tidak ada yang kekal melainkan Allah SWT. Selaku makhluk yang diciptakan, malaikat akan mati apabila tiba masanya. Hal ini termasuk dalam konsep asas akidah kepada Allah SWT dengan sifat *baqā'*. Manakala ciri ketiga iaitu hieraki malaikat dalam Islam adalah berbeza dengan Kristian yang meletakkan tingkatan yang lebih rumit dan tidak jelas. Sekiranya diamati hieraki *angels* dalam Kristian, Gabriel dan Micheal hanya berada di tingkatan kedua terendah iaitu Archangel. Semestinya ia memberi kesan kepada keagungan Gabriel yang diyakini sebagai penghulu malaikat yang paling mulia dalam Islam.

Persamaan yang wujud pula lebih menjurus kepada ciri-ciri yang biasa (*common*) dan tidak memberi signifikasi yang besar terhadap kerangka asas Islam dan Kristian. Antaranya penciptaan, bentuk, keindahan, kekuatan dan bilangan. Secara logiknya, makhluk yang

mencapai status *divinity* (syurgawi) sememangnya akan disifatkan dengan sifat-sifat yang sedemikian. Sekali pun persamaan ini menjadi polemik yang ditimbulkan, ianya tidak menghairankan memandangkan hubungan unik yang dimiliki oleh Islam dan Kristian. Kedua-dua agama ini tergolong dalam kelompok agama samawi yang mempunyai hubungan sejarah, teologi dan bahasa yang kuat (Pignedolli, 1986). Islam sebagai agama terakhir dalam kelompok samawi bukanlah membawa ajaran akidah yang berbeza dengan Nabi Isa (Jesus) bahkan ia adalah pembaharuan, pembetulan dan pelengkap kepada ajaran baginda (Muhammad Abdul Ra'uf, 1986). Menurut Abdul Rauf (1986) lagi, hubungan antara Islam dan Kristian tidak boleh dipisahkan memandangkan Islam mewarisi sejarah para nabi yang sama dengan tradisi sebelumnya yang berkongsi intipati akidah yang sama. Meskipun ajaran Kristian kini telah mengalami perubahan dan penyelewengan, Islam tidak menafikan asal usul ajaran tersebut yang sampai kepada salah seorang nabi yang utama dalam Islam. Sekali pun ianya penuh dengan penyelewengan dan pindaan, ada juga beberapa perkara dalam Taurat dan Injil yang dikekalkan (al-Tahṭawī, 1993). Maka persamaan yang wujud seharusnya menjadi perkara yang tidak perlu dihairrankan.

Tambahan lagi, perbezaan terpenting yang memisahkan kedua entiti ini adalah kedudukan dan kepentingan entiti ini dalam kedua agama. Islam amat menekankan keimanan terhadap malaikat memandangkan ia adalah rukun iman kedua selepas Allah SWT. Islam menuntut penganutnya mempercayai kejadian malaikat sebagai satu makhluk ciptaan yang nyata dan jelas, bukan kiasan dan khayalan. Al-Asyqar (1995) menegaskan untuk beriman kepada malaikat seseorang wajib beriman kepada tiga unsur iaitu i) mengimani malaikat adalah makhluk nyata yang diciptakan oleh Allah, ii) mereka adalah utusan yang sentiasa melaksanakan segala tugas yang diamanahkan dan iii) mereka adalah makhluk nurani yang maksum daripada segala dosa. Konsep keimanan yang jitu dan tidak berbelah bahagi ini merupakan asas iman Islam yang asal dan sama sekali tidak menerima sebarang perubahan sejak zaman Rasulullah SAW. Berbeza dengan ajaran Kristian, kepercayaan terhadap *angels* tidak dinyatakan dalam mana-mana usul kepercayaan mereka. Bahkan konsep *angels* sendiri mengalami pelbagai perkembangan sehingga merubah hakikat dan esensi *angels* itu sendiri. Minat masyarakat Kristian terhadap *angels* berubah pasca-modenisasi sehingga ia tidak lagi dianggap sebagai elemen penting, malahan mula dianggap sebagai tahuyl (Osborn, 1994).

Justeru, dakwaan Zwemer, Burge, Iavoschi dan lain-lain sarjana Kristian bahawa Islam mencedok konsep malaikat daripada Kristian tidak benar sama sekali. Hujah bahawa persamaan ciri-ciri malaikat dan *angels* membuktikan peniruan adalah dangkal, tidak bersifat ilmiah dan tidak matang. Mereka gagal memahami hakikat persamaan dan perbezaan dalam neraca pertimbangan yang akademik dan adil.

#### **4.1 PERBANDINGAN CIRI MALAIKAT ANGELS DALAM KONTEKS DAKWAH**

Berdasarkan analisis ciri-ciri malaikat dan *angels* yang dibuat, penulis beranggapan amatlah wajar isu ini diketengahkan dalam usaha dakwah terhadap masyarakat non-Muslim khususnya Kristian kerana ia berpotensi untuk mematahkan hujah Kristian seterusnya membuka jalan bagi memperlihatkan kebenaran agama Islam, dalam masa yang sama memberi gambaran tentang hubungan rapat antara kedua agama ini. Dalam menanggapi persamaan, hubungan unik antara Islam dan Kristian wajar diketengahkan sebagai item dakwah kerana kebersamaan beberapa ciri asas ini menggambarkan betapa mesej yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW bertepatan dengan mesej yang dibawa oleh nabi-nabi

sebelumnya. Ini sedikit sebanyak akan mempertemukan titik persamaan Islam dan Kristian selanjutnya membuka ruang perbincangan yang lebih luas.

Sebaliknya, perbezaan dalam perkara yang lebih besar boleh digunakan untuk menunjukkan keabsahan akidah Islam yang ternyata lebih unggul dan logikal daripada agama Kristian. Hal ini sepertimana yang pernah ditunjukkan oleh Syeikh Ahmad Deedat dalam salah satu siri ceramahnya. Beliau menceritakan bagaimana seorang syeikh (lelaki tua yang alim) pernah mematahkan hujah teman Kristiannya menggunakan perbezaan ciri ini. Syeikh tersebut mengguna pakai satu ciri malaikat dalam Kristian iaitu tidak akan mati dalam menyanggah kepercayaan bahawa Tuhan (Jesus) mati disalib untuk menyelamatkan umat manusia. Logiknya, sekiranya malaikat diyakini tidak mati dan hidup selama-lamanya, tidak mungkin Tuhan yang dianggap maha kuasa bahkan mencipta malaikat boleh mati. Hujah syeikh ini akhirnya membuatkan temannya yang beragama Kristian mati akal untuk berhujah (Ahmad Deedat, t.t). Kisah ini menggambarkan betapa perbezaan ciri ini boleh dijadikan hujah yang ampuh untuk menangkis dakwaan kebenaran kepercayaan Kristian.

## 5.0 KESIMPULAN

Entiti malaikat sememangnya wujud dalam kedua-dua agama Islam dan Kristian sebagai makhluk syurgawi yang tidak mampu ditanggapi oleh pancaindera manusia biasa. Sebagai agama samawi, sememangnya persamaan antara kedua agama ini tidak dapat dielakkan. Ini berpadanan dengan status agama Islam sebagai agama yang mengembalikan kebenaran ajaran nabi-nabi terdahulu. Antara persamaan ciri yang dapat dilihat adalah penciptaan, ciri fizikal dan bilangan. Meskipun begitu ianya tidak boleh dijadikan alasan untuk mendakwa Islam meniru konsep agama Kristian. Ini kerana perbezaan yang wujud lebih besar dan ketara, bahkan ianya meliputi kerangka asas kepercayaan Islam dan Kristian, antaranya berkenaan sifat kekal (*baqā'*), asal usul syaitan yang didakwa berkait dengan malaikat, kedudukan dan lain-lain. Analisis perbandingan ciri antara malaikat dan *angels* juga boleh diketengahkan dalam konteks dakwah terhadap penganut Kristian.

## 6.0 BIBLIOGRAFI

Al-Qurān al-Karim

Adam Badhrulhisham (2017), *Perbandingan Konsep Jibril Dalam al-Quran dan Gabriel Dalam Bible*, Disertasi M.A, Universiti Malaya

Afīf ‘Abd al-Fattāh Ṭabbārah (t.t), *al-Yahūd fi al-Qur’ān*, Beirut: Dar al-‘Ilm al-Malāyīn, h. 257

Ahmad Deedat (t.t), GABRIEL ARCH ANGEL DIED AHMAD DEEDAT, (video), Retrieved from <https://www.youtube.com/watch?v=nipcCK3y2tM>

Al-Asyqar, Sulaymān (1995), ‘Ālam al-Malāikah al-Abraar, Jordan: Dār an-Nafā’is

Al-Baghawī (1988), *Ma ’ālim al-Tanzīl*, Riyadh: Dār Toyibah

Al-Burusawi, Ismāīl Haqqi (t.t), *Tafsīr Rūh al-Bayān*, Dār Uthmaniah

Chilvers, Gordon (1955), “Angels”, *The Evangelical Quarterly*, 25:2

David Buffaloe (t.t), *What The Bible Says About Angel: God’s Messengers*, Wake Forest: Good Hope Baptist Church. Retrieved from [www.bibleteacher.org](http://www.bibleteacher.org)

Don Flemming (2004), *Bridgeway Bible Dictionary*, Australia: Bridgeway Publications

Kecia Ali, Oliver Leaman (2007), *Islam: The Key Concepts*, New York: Routledge, h. 8

Al-Khāzin (1995), *Lubāb al-Ta’wil fi Ma ’āni at-Tanzīl (Tafsīr al-Khāzin)*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, h. 34

Al-Mahdālī (1996), *Dirāsat al-Sam’iyāt*, Kaherah: Dār al-Hadis

- Mannā' Qattān (2007), *Mabāhith fī Ulum al-Qurān*, Kaherah: Maktabah Wahbiah
- Millard J. Erickson (1990), *Christian Theology*: USA: Baker Book House Company
- Mohd Rossmizi Abd Rahman (2004), *4 Agama Monoteisme; Islam, Kristian, Yahudi, Zoroaster*, Bentong: PTS Publications
- Muhammad Abdul Ra'ūf (1986), "Judaism and Christianity in the Perspective of Islam", in Ismā'īl Rāji al-Fārūqī (eds.), *Trialogue of The Three Abrahamic Faiths*, Riyadh: International Islamic Publishing House
- Muhammad Izzat at-Tahtawi (1993), *al-Mizan fī Muqaranah al-Adyan*, Damsyik: Dar al-Qalam
- Muhammad Fuad Abdul Baqi (1996), *al-Mu'jam al-Mufahris li Alfaz al-Qurān al-Karim*, Kaherah: Dar al-Hadis
- Murata, Sachiko (2008), "The Angels" in Sayyed Hossein Nasr (eds.), *Islamic Spirituality*, vol. 48, New York: Routledge
- Mustafā Ḵasyūr (t.t), *Ālam al-Malā'ikah Asrāruhu wa Khafāyāhu*, Kaherah: Maktabah al-Qur'ān
- Osborn, Lawrence (1994), "Entertaining Angels: Their Place in Contemporary Theology", *Tyndale Bulletin*, 45. 2
- M. G. Easton (1997), *Eastons Bible Dictionary*, Albany: Thomas Nelson. Retrieved from [www.ccel.org/ccel/easton/ebd2.html](http://www.ccel.org/ccel/easton/ebd2.html)
- Ninian Smart (1989), *The World's Religions Old Traditions and Modern Transformation*, London: Cambridge Universiti Press
- Norman Ricklefs (2002), *An Angelic Community: The Significance of Beliefs About Angels in The First Four Centuries of Christianity*, Thesis, PhD, Macquarie University, Australia)
- Philip Schaff (1997), *History of the Christian Church Vol III: Nicene and Post-Nicene Christianity A.D 311-600*, Grand Rapid: Christian Classic Ethereal Library Retrieved from <http://www.ccel.org/s/schaff/hcc3/cache/hcc3.pdf>
- Robert E. Moses (2015) "Tangible Prayer in Early Judaism and Early Christianity", *Journal for the Study of Pseudepigrapha*, Vol. 25. 2
- Sergio Pignedolli (1986), "The Catholic Church and The Jewish and The Muslim Faiths: Trialogue of The Three Abrahamic Faiths", dalam Ismā'īl Rāji al-Fārūqī (eds.), *Trialogue of The Three Abrahamic Faiths*, Riyadh: International Islamic Publishing House
- Al-Suyūti, Jalāl al-Dīn (2003), *al-Durr al-Manthūr fī al-Tafsīr bi al-Ma'thūr*, Kaherah: Markaz Hadr li al-Buhūth wa al-Dirāsāt al-'Arabiyyah wa al-Islāmiyah
- \_\_\_\_\_(2007), *al-Habā'ik fī Akhbār al-Malā'ik*, Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth
- Al-Sywākāni, Muhammad Ali bin Muhammad (1994), *Fath al-Qādir al-Jāmi' Bainā Fanni al-Riwayah wa al-Dirayah min 'Ilm al-Tafsīr*, Mansurah: Dār al-Wafa'
- Syekh Muhammad Abduh (1948), *Tafsīr al-Manār*, Kaherah: Dār al-Manār
- S.R Burge (2009), *Angels in Islam: A Commentary With Selected Translations Of Jalal Al-Din Al-Suyuti's Al-Habaik Fi Akhbar Al-Malaik (The Arrangement Of The Traditions About Angles)*, Thesis, PhD, The University of Edinburgh
- Al-Rāzi (1981), *Tafsīr al-Fakhr ar-Rāzi: al-Tafsīr al-Kabīr wa Mafātih al-Ghayb*, Beirut: Dār al-Fikr
- Al-Ṭabarī, Muhammad bin Jarīr (2001), *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl Āy al-Qur'ān*, jil. 21, Kaherah: Markaz Hadr li al-Buhūth wa al-Dirāsāt al-'Arabiyyah wa al-Islāmiyah
- Theodore H. Robinson (1926), *An Outline Introduction To The History of Religion*, London: Oxford University Press

- The Complete Reference Encyclopedia (1994), Blitz Edition, South Australia: Griffin Paperbacks,
- Webster's Encyclopedic Unabridge Dictionary of the English Language (1989), New Jersey: dilithium Press Ltd
- W.E Vines, Merrill F. Unger *et. al* (eds.) (1940), *Vines Complete Expository Dictionary of Old Testament and New Testament Words*, Retrieved from: [http://www.ultimatebiblerefencelibrary.com/Vines\\_Expository\\_Dictionary.pdf](http://www.ultimatebiblerefencelibrary.com/Vines_Expository_Dictionary.pdf)
- William Smith (2002). *Smith's Bible Dictionary*, Grand Rapid: Christian Classic Ethereal Library, Retreived from [http://www.ccel.org/cCELsmith\\_w/bibledict.html](http://www.ccel.org/cCELsmith_w/bibledict.html)
- Al-Zahabi (1993) *Siyār A'lām al-Nubalā'*, Beirut: Muassasah al-Risalah
- Al-Zamakhsyari (t.t), *al-Kasysyāf 'an Haqāiq al-Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwil fi Wujūh al-Ta'wil*, al-Fajālah: Maktabah Misr